

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Dalam suasana yang _____ itu, suara kita sukar didengari.
A riuh
B meriah
C bingit
D kacau
- 2 Pengguna laman sosial _____ supaya mengamalkan kawalan sendiri ketika menggunakan laman sosial dalam talian.
A ingat
B teringat
C diingati
D diingatkan

Soalan 3 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Konvoi berbasikal boleh bertukar menjadi tragedi jika para peserta-peserta tidak berhati-hati. Tiada kesalahan.
A
B C D
- 4 Pemakaian kerusi keselamatan kanak-kanak boleh mengurangkan risiko kecederaan jika berlaku kemalangan. Tiada kesalahan.
A B C D
- 5 Murid-murid dilarang bermain atau menjalani aktiviti di padang tanpa pengawasan guru. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 6 Pakailah tali pinggang keledar sebagai langkah jaga keselamatan diri supaya tidak tercampak keluar ketika kemalangan berlaku.
A Pakailah tali pinggang keledar sebagai langkah menjaga
B Memakailah tali pinggang keledar sebagai langkah menjaga
C Memakailah tali pinggang keledar sebagai langkah jaga
D Pakailah tali pinggang keledar sebagai langkah jaga

Soalan 7

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Murid-murid tidak dibenarkan masuk ke dalam makmal tanpa kebenaran dari guru.
II Isu buli harus ditangani dengan segera kerana kesannya pada murid amat membimbangkan.
III Orang ramai perlu berhati-hati ketika berada di tempat-tempat yang berkemungkinan menjadi sasaran peragut.
IV Sikap tidak mematuhi peraturan jalan raya harus kita hindari.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 2 Jawapan ialah A. Kata sendi nama *tentang* lebih menepati konteks ayat kerana *tentang* di sini membawa pengertian *rujukan sesuatu yang umum*.